

Projek Waffle Kiosk
Aktiviti Rehabilitasi Psikiatri – Memasak (*Ceria Food Kiosk*)
Tempat: Tingkat Bawah, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan,
Universiti Malaysia Sarawak , Kota Samarahan
Sarawak
(Memulakan Operasi Pada Tarikh 6 November 2015)

Latar belakang projek

Ceria Food Kiosk Pesakit ini merupakan program rehabilitasi untuk pesakit psikiatri setelah mereka pulih dari penyakit pada tahap yang optimum.

Objektif projek

1. Memberi pendedahan kepada pesakit dalam aspek pemasaran dan menjual produk yang telah dihasilkan.
2. Memberi peluang kepada pesakit untuk mendapat pendapatan sampingan.

Tujuan

1. Melatih pesakit untuk bekerja.
2. Membantu mengembalikan keupayaan atau kebolehan yang boleh menolong mereka untuk lebih bebas dalam masyarakat.
3. Untuk membina kekuatan, kebolehan dan keyakinan diri pesakit agar mereka mampu untuk meneruskan aktiviti harian sediakala.
4. Untuk mempertingkatkan tanggungjawab pesakit terhadap diri sendiri dan juga orang lain.
5. Membantu pesakit supaya boleh berdikari.

Perlaksanaan Projek

- Projek ini telah mendapat bantuan dana dari Persatuan Psikiatri Malaysia (*Malaysian Psychiatric Association*) melalui program “*CIRCLE OF CARE*”. Peruntukan sebanyak RM 7,500.00 telah diluluskan.
- Lokasi waffle kiosk ini dijalankan di Tingkat Bawah, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan Sarawak.

- Projek ini telah dirasmikan oleh YBhg. Professor Mohd. Fadzil Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Universiti Malaysia Sarawak pada 27 Januari 2016 bertempat di Student Atrium, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UNIMAS.
- *Ceria Food Kiosk* ini beroperasi pada setiap hari bekerja iaitu Isnin hingga Jumaat dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.
- Pesakit telahpun menjalani beberapa siri latihan membuat waffle di kiosk waffle Kedai Sihat Sentosa, Hospital Sentosa Kuching Sarawak sebelum mengendalikan operasi *Ceria Food Kiosk* ini.
- Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah membuat waffle, sandwich dan jualan makanan ringan, kuih muih, minuman sejuk dan panas.
- Berikut adalah harga waffle yang dijual oleh pesakit:-
 1. Waffle kosong- RM 2.00
 2. Waffle 1 perisa- RM 2.30
 3. Waffle 2 perisa- RM 2.80
 4. Waffle 3 perisa- RM 3.30
- Pemerhatian dijalankan dari masa ke semasa ke atas pesakit dari segi kebersihan diri dan kebersihan sekeliling di kiosk waffle.
- Selain itu juga, dengan adanya pembukaan operasi *Ceria Food Kiosk* ini di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sarawak telah banyak memberi kelegaan kepada kakitangan fakulti dan pelajar perubatan untuk mendapatkan bekalan makanan dan minuman. Ini kerana lokasi kantin dan kiosk makanan yang agak jauh dari fakulti telah menyukarkan kakitangan dan pelajar untuk mendapatkan makanan dan minuman.
- *Ceria Food Kiosk* juga telah memberi peluang kepada kakitangan fakulti yang ingin berniaga secara kecil-kecilan secara sah dengan membekalkan makanan seperti kuih-muih di kiosk ini.

Kesimpulan

Berdasarkan pemerhatian, Ceria Food Kiosk berpotensi untuk maju dan berkembang di masa hadapan. Hasil jualan untuk setengah bulan November 2015 yang lalu menjangkau RM2,000.00 menunjukkan bahawa kiosk ini telah menunjukkan kejayaan awal dalam membimbing pesakit untuk mencapai objektif projek ini dijalankan.

Oleh itu, adalah diharapkan agar Ceria Food Kiosk ini akan dapat memberikan sumbangan yang besar di dalam aktiviti pemulihan kepada pesakit agar mereka dapat berdikari sehingga ke tahap yang maksima dan kembali semula ke pangkuan keluarga dan komuniti amnya.



Gambar 1: Pesakit sedang menyediakan waffle untuk pelanggan.

Gambar 2: Pesakit sedang berlatih membuat waffle bersama pesakit yang sudah mahir.



Gambar 3: Contoh waffle yang disediakan oleh pesakit.



Gambar 4: Ucapan perasmian oleh YBhg. Prof. Mohd. Fadzil Abd. Rahman, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) UNIMAS

Gambar 5: Ucapan aluan oleh YBrs. Prof. Dr. Mohd. Fadzillah Abd. Razak, Ketua Jabatan Perubatan Psikologi, FPSK UNIMAS



Gambar 6: Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) turut dijemput untuk membuka kaunter khidmat pelanggan dan mini pameran antidadah.